

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SEU400 - Ekonomi Kewangan

Masa: [2 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SOALAN No. 1** dalam Bahagian A, **SATU** (1) soalan sahaja dari Bahagian B dan **SATU** (1) soalan lain dari Bahagian C. Anda dikehendaki menjawab **TIGA** (3) soalan kesemuanya.

**Bahagian A:** (40 markah)

**SOALAN NO.1** mesti dijawab

1. Andaikan di dalam sebuah ekonomi yang kecil, orang ramai, sistem bank dan Bank Pusat ingin mempunyai nisbah-nisbah seperti berikut:

$c = 0.5$ : Nisbah di antara tunai dan simpanan semasa;

$t = 0.8$ : Nisbah di antara simpanan masa dan simpanan semasa;

$r_d = 10\%$ : Keperluan cadangan ke atas simpanan semasa;

$r_t = 5\%$  : Keperluan cadangan di atas simpanan masa;

$e = 0.3$ : Nisbah di antara cadangan lebihan dan simpanan semasa.

Jumlah bekalan wang M1 yang wujud adalah \$150 juta.

(i) Berapa banyakkah jumlah cadangan dalam sistem bank.  
Carikan juga jumlah bekalan wang M2.

(ii) Sekiranya keluk permintaan wang adalah seperti berikut:

$$M1 = 0.5Y - 100r,$$

di mana Y adalah pendapatan negara dan r ialah kadar faedah yang ditetapkan oleh Bank Pusat pada kadar 0.05. Cari jumlah pendapatan negara pada titik keseimbangan.

(iii) Sekiranya jumlah cadangan sistem bank telah ditambah sebanyak \$9.4 juta, berapa banyaknya bekalan wang M1 bertambah dari \$150 juta sebelumnya. Berapa banyak pula bekalan M2 bertambah?

**Bahagian B:** (30 markah)

Jawab **SATU** (1) soalan sahaja.

2. Sekiranya anda diberi keputusan kajian empiris mengenai permintaan wang seperti di bawah,

$$\log \frac{M}{P} = -2.954 - 0.472 \log r + 1.014 \log Y$$
$$(-7.36) \quad (-7.25) \quad (26.25)$$

$$R^2 = 0.95 \quad D.W = 1.2$$

di mana P ialah paras harga, M ialah jumlah wang, r ialah kadar faedah dan Y ialah pendapatan negara. Apakah analisis yang boleh anda buat mengenai keputusan di atas?

3. Bincangkan teori permintaan wang yang berdasarkan teori portfolio yang diasaskan oleh Tobin. Mengapakah teori tersebut dikatakan pembaharuan kepada teori Keynes?

**Bahagian C:** (30 markah)

Jawab **SATU** (1) soalan sahaja.

4. Bincangkan ciri-ciri keluk permintaan wang, keluk pelaburan swasta dan aspek kestabilan permintaan wang yang boleh menyebabkan dasar kewangan tidak berkesan.
5. Terangkan masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan dasar kewangan di Malaysia pada masa kini.

- oo oo oo -